

#### 4.10 TAKLIMAT 5S DI PEJABAT PENDAFTAR

Disediakan oleh: Pn.Norazmayati Kassim, Penolong Pendaftar



Seksyen Pentadbiran dan Sekretariat telah menganjurkan sesi Taklimat 5S selaras dengan lantikan sebagai Jawatankuasa Latihan bagi Jawatankuasa Induk 5S Jabatan Pendaftar. Taklimat ini telah disampaikan oleh En. Baharin Entoh, Pustakawan Kanan selaku wakil UMS Kampus Antarabangsa Labuan yang pernah mendapat pengiktirafan 5S dari Malaysian Productivity Corporation (MPC).

Taklimat ini dihadiri oleh kakitangan Pejabat Pendaftar yang telah diadakan pada 25 September 2012 di Bilik Mesyuarat Jabatan Pendaftar. Adalah diharapkan agar semua kakitangan mendapat manfaat dari taklimat ini dan seterusnya diaplikasikan ke arah Pensijilan Amalan 5S pada bulan Disember 2013 kelak. Banyak input berguna yang telah disampaikan sepanjang taklimat ini.

Taklimat ini diakhiri dengan sesi penyerahan cenderahati sebagai tanda terima kasih kepada penceramah yang disampaikan oleh Pn. Zainooriah Matnor, Penolong Pendaftar, Seksyen Pengurusan Kualiti.